

# Filipina tidak mahu silat olahraga

Oleh S SIVARAMAN

JAWATANKUASA Olimpik Filipina (POC) mengesahkan silat olahraga tidak akan disenaraikan pada Sukan SEA di Manila, penghujung November ini. **B. Haran (M)**

Keputusan itu disampaikan dalam surat Presiden POC, Gabenor Jose C Sering, bertarikh 26 Disember, 1990 kepada Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Dalam surat itu, Gabenor Sering kesal kerana POC tidak dapat menimbang semula permintaan MOM supaya silat disenaraikan.

"Saya kesal kerana pada masa ini kami tidak boleh menimbang semula penyertaan silat pada Sukan SEA.

"Kami bagaimanapun akan menghantar satu atau dua pegawai teknik POC untuk mempelajari sukan ini supaya Filipina dapat menyertai acara itu pada Sukan SEA akan datang," katanya dalam surat yang diterima oleh MOM pada 7 Januari, 1991.

Sebelum ini, MOM dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), giat melobi bagi memastikan silat disenaraikan di Manila.

MOM menggesa POC menimbang semula keputusan itu walaupun Jawatankuasa Sukan SEA pada mesyuarat di Beijing Oktober lalu, menggugur silat dan arnis dan menerima taekwondo dan wushu.

"Kami berpendapat adalah janggal bagi Filipina menjadi tuan rumah kepada acara sukan yang kami sendiri tidak mempunyai kemahiran langsung.

"Kami tidak mempunyai persatuan silat di Filipina," katanya.

Gabenor Sering juga mendedahkan ada pihak yang tidak langsung mempunyai kemahiran atau pengetahuan mengenai sukan itu yang cuba menubuhkan persatuan semata-mata untuk menjadi ahli gabungan POC.

"Selepas kami menyasat, didapati mereka ini mahu menubuhkan persatuan hanya untuk kepentingan politik dan peribadi," katanya.

Sementara itu, Tan Sri Hamzah kesal dengan keputusan itu selepas mendapat jaminan di Beijing sebelum ini.

Beliau dan Presiden Pesaka, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, dijangka bertolak ke Manila tidak lama lagi untuk membincangkan keputusan itu dengan POC.